



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 16 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	30 Peratus Kanak-Kanak Diselamatkan Dalam Op Global Alami Kecelaruhan Kognitif – Nancy https://www.buletintv3.my/nasional/30-peratus-kanak-kanak-diselamatkan-dalam-op-global-alami-kecelaruhan-kognitif-nancy/ https://www.sinarharian.com.my/article/691135/berita/nasional/video-108-kanak-kanak-gisbh-tunjuk-kecelaruhan-kognitif https://www.malaysiakini.com/news/722704 https://majoriti.com.my/berita/2024/10/15/30-peratus-kanak-kanak-diselamatkan-dalam-op-global-babit-gisb-alami-kecelaruhan-kognitif---nancy-shukri https://selangorkini.my/2024/10/menteri-94-peratus-anak-gisbh-mengaku-ada-ibu-bapa/ https://www.malaysiakini.com/news/722695 https://www.utusan.com.my/terkini/2024/10/parlimen-108-kanak-kanak-diselamatkan-dari-gisbh-alami-kecelaruhan-kognitif/ https://malaysiagazette.com/2024/10/15/94-3-peratus-kanak-kanak-gisb-masih-ada-ibu-atau-ayah-nancy/	Buletin TV3 Sinar Harian Malaysia Kini Majoriti Selangor Kini Malaysia Kini Utusan Malaysia Gazette	Neutral

	<p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1120049/updat-ed-nancy-30-gisb-kids-have-severe-cognitive-disorders-watch</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/15/kanak-kanak-gisb-alami-kecelaruan-kognitif/</p> <p>https://www.wilayahku.com.my/108-kanak-kanak-diselamatkan-dalam-op-global-alami-kecelaruan-kognitif/</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/15/gisb-case-over-half-of-rescued-kids-underweight-dewan-rakyat-told</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/gisbh-penilaian-kognitif-awal-dilakukan-ke-atas-385-kanak-kanak-x97d5fa</p>	<p>NST</p> <p>Kosmo</p> <p>Wilayahku</p> <p>The Star</p> <p>Astro Awani</p>	
2.	<p>560 Kanak-Kanak GISBH Akan Kembali Ke Pangkuan Keluarga – Nancy</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/15/560-kanak-kanak-gisbh-akan-kembali-ke-pangkuan-keluarga-nancy/#google_vignette</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/15/reuniting-gisbh-children-with-parents-a-top-priority-says-minister/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311205/gisbh-kpwkm-tumpu-segera-kembalikan-kanak-kanak-ke-pangkuan-keluarga</p> <p>https://www.tvsarawak.my/2024/10/15/op-global-kpwkm-jamin-kembalikan-kanak-kanak-diselamatkan-kepada-keluarga/</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2351962</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/gisbh-kpwkm-prioritises-swift-reunification-of-rescued-children-with-families-GA13137625</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p> <p>Berita Harian</p> <p>TV Sarawak</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun</p>	Neutral

	<p>https://selangorkini.my/2024/10/siasatan-menyeluruh-sebelum-pulangkan-anak-anak-gisbh-kepada-keluarga/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2024/10/kanak-kanak-rumah-amal-gisbh-akan-dikembalikan-kepada-ibu-bapa/ https://themerdekaitimes.com/news/2024/10/gisbh-keutamaan-kpwkm-kembalikan-anak-anak-kepada-keluarga/</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/15/reunion-plans-for-rescued-gisbh-children-underway-but-family-assessments-crucial-parliament-told/153730</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2351951</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/691117/berita/nasional/gisbh-kpwkm-fokus-kembalikan-kanak-kanak-ke-pangkuan-keluarga</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-kpwkm-prioritises-swift-reunification-rescued-children-families-491862</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2351951</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Edisi 9</p> <p>Malay Mail</p> <p>Bernama</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p>	
3.	<p>GISB Case: Forms Parents Signed Not Admissions Of Guilt, Says Nancy</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/15/gisb-case-forms-parents-signed-not-admissions-of-guilt-says-nancy</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/gisbh-kpwkm-nafi-ugut-wanita-tandatangan-borang-kosong/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/1311245/gisbh-nancy-nafi-jkm-paksa-ugut-wanita-tandatangan-borong-kosong</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2024/10/15/nancy-nafi-pegawai-jkm-ugut-wanita-terbabit-gisbh-tandatangan-borang-kosong/</p>	<p>The Star</p> <p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Post</p>	Neutral

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/gisbh-kpwkm-nafi-jkm-paksa-ugut-wanita-tandatangan-dokumen-kosong/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/15/video-tular-pegawai-jkm-paksa-tandatangan-kertas-kosong-tidak-benar/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
4.	<p>Keluarga Muda Rekod Perceraian Paling Tinggi – Nancy</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/691089/berita/nasional/keluarga-muda-rekod-perceraian-paling-tinggi---nancy</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144403/perceraian-tinggi-babitkan-pasangan-dengan-tempoh-perkahwinan-bawah-10</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1119928/rising-divorce-rates-among-couples-married-less-%C2%A010-years-nancy</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kadar-perceraian-tinggi-kpwkm-sedia-program-kukuh-perkahwinan-untuk-golongan-muda/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1310921/perceraian-banyak-babitkan-golongan-muda-kpwkm-sedia-program-kukuh</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>NST</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
5.	<p>Wanita Warga Emas, Kanak-Kanak Melecur Kebakaran Di Ranau</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/wanita-warga-emas-kanak-kanak-melecur-kebakaran-di-ranau#google_vignette</p> <p>https://sabahnews.com.my/warga-emas-kanak-kanak-melecur-kaki-dalam-kebakaran-rumah-kampung-kantas-baru-ranau/#google_vignette</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/nenek-cucu-melecur-selepas-rumah-terbakar/</p>	<p>Nabalu News</p> <p>Sabah News</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

6.	<p>Program Sehari Dekatkan Aksesibiliti Maklumat, Perkhidmatan PNM Kepada Komuniti OKU</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-sehari-dekatkan-aksesibiliti-maklumat-perkhidmatan-pnm-kepada-komuniti-oku-491899</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2352082</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
----	---	------------------------------------	---------

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

30 PERATUS KANAK-KANAK DISELAMATKAN DALAM OP GLOBAL ALAMI KECELARUAN KOGNITIF – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

KUALA LUMPUR: Hampir 30 peratus daripada 385 kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas yang diselamatkan dalam Op Global membabitkan Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) sejak September lalu, mengalami masalah kecelaruan kognitif.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata daripada jumlah itu, 7.70 peratus dikesan mengalami kecelaruan kognitif teruk, 20.26 peratus pula menunjukkan kecelaruan kognitif sederhana, selebihnya tidak mengalami masalah berkenaan.

Selain itu, katanya, 56.3 peratus daripada keseluruhan 558 yang diselamatkan mengaku pernah bersekolah, sama ada di sekolah kebangsaan, aliran agama kerajaan, agama atau pusat dikendalikan GISBH mahupun di tempat tinggal mereka.

Beliau berkata, seramai 94.3 peratus daripada mereka mengaku masih memiliki sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa kandung, manakala 5.7 peratus lagi tidak mempunyai atau memiliki maklumat ibu bapa.

“Seramai 51.6 peratus kanak-kanak ini mencatatkan berat badan di bawah paras BMI sihat, manakala 2.7 peratus lagi dalam kategori obesiti dan berat badan normal (46.1 peratus).

“Tiga daripada mereka mempunyai Kad Orang Kurang Upaya (OKU), manakala 27 orang lagi kanak-kanak mempunyai simptom OKU,” katanya ketika sesi Penerangan Menteri berkenaan Isu Kebajikan Kanak-Kanak Diselamatkan dalam Op Global membabitkan GISBH di Dewan Rakyat hari ini.

560 KANAK-KANAK GISBH AKAN KEMBALI KE PANGKUAN KELUARGA – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat yang juga Ahli Parlimen Santubong, Datuk Seri Nancy Shukri.

KUALA LUMPUR – Semua 560 orang kanak-kanak dikaitkan dengan Global Ikhwan Sdn Bhd Holdings (GISBH) yang sedang berada di bawah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada masa ini masih dalam proses siasatan lanjut oleh pihak berkuasa.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bagaimanapun memberi jaminan matlamat akhir kementeriannya itu bagi penempatan dan penjagaan kanak-kanak terlibat adalah kembali ke pangkuan keluarga.

Namun jelas beliau, sebelum ia boleh direalisasikan, pelbagai perkara perlu dinilai dan dipertimbangkan.

“Ini semua bukanlah untuk menidakkan hak mana-mana pihak tetapi ia adalah demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu.

“Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka hala tuju yang komprehensif berdasarkan prinsip kerja sosial terhadap kanak-kanak ini dengan perancangan tertentu berdasarkan peruntukan 10 perundangan yang meliputi beberapa kategori kanak-kanak” katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Penerangan Menteri Berkenaan Isu Kebajikan Kanak-Kanak Yang Diselamatkan Dalam Op Global Membabitkan GISB di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, KPWKM melalui JKM telah terlibat dalam Op Global secara langsung bermula dari hari pertama operasi lagi iaitu pada 11 September lalu.

Kata beliau, ia melibatkan seramai 884 pegawai JKM yang terdiri daripada Pelindung, Pegawai Diberi Kuasa dan Pegawai Psikologi terlibat dalam Siri Op Global.

“Dalam operasi ini, JKM bertindak mengikut punca kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 Akta Kanak-Kanak (Akta 611), iaitu pelantikan dan kuasa Pelindung serta Seksyen 17(1)(d) yang menetapkan keperluan perlindungan kanakkanak.

“Selain itu, tindakan juga diambil berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1994 (Akta 506) yang memperuntukkan mengenai pelantikan dan kuasa Pegawai Diberi Kuasa.

“Peranan JKM dalam Op Global adalah menjalankan operasi menyelamatkan kanak-kanak bersama PDRM, menguruskan penempatan sementara bagi kanak-kanak, mendaftar maklumat, mendapatkan perintah jagaan sementara dan menguruskan kemasukan kanak-kanak ke Tempat Selamat,” katanya. – MalaysiaGazette

KELUARGA MUDA REKOD PERCERAIAN PALING TINGGI – NANCY

KUALA LUMPUR - Keluarga muda atau perkahwinan muda iaitu di bawah 10 tahun merekodkan kadar perceraian paling tinggi di negara ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia mengambil kira purata umur rakyat Malaysia yang memasuki ikatan perkahwinan pada umur antara 27 dan 28 tahun.

Menurutnya, berdasarkan Laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023, perceraian tertinggi dicatatkan dalam kumpulan umur 35 hingga 39 tahun bagi lelaki dan 30 hingga 34 tahun bagi perempuan.

"Dalam usaha memperkasakan institusi keluarga, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) telah memperkenalkan program-

program bersesuaian di pelbagai fasa perkahwinan, iaitu dari sebelum perkahwinan, di awal perkahwinan serta seiring dengan perkembangan keluarga.

"Bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, kursus praperkahwinan yang ditawarkan oleh LPPKN menyasarkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang persediaan sebelum melangkah ke alam perkahwinan.

"Disebabkan kadar perceraian dalam kalangan perkahwinan muda yang tinggi, LPPKN telah membangunkan program tambahan 'SMARTSTART 2nd Honeymoon', iaitu program bagi memperkasakan perkahwinan khusus kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun ke atas," katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Afnan Hamimi Taib Azamuddin (PN-Alor Setar) mengenai perancangan KPWKM bagi mewujudkan pelan pemerkasaan keluarga terutama yang baru memasuki fasa lima tahun pertama perkahwinan dalam kalangan pasangan muda.

Tambah Nancy, LPPKN juga menyediakan perkhidmatan perancangan keluarga bagi pasangan yang baru mendirikan rumah tangga manakala bagi pasangan yang menghadapi masalah mendapatkan anak, perkhidmatan rawatan kesuburan juga ditawarkan.

"Bagi ibu muda, LPPKN turut menyediakan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin MamaCare bertujuan membantu kepulihan kesihatan mereka untuk Kembali aktif termasuklah kembali bekerja.

"Bagi fasa seterusnya, LPPKN juga menawarkan program keibubapaan anak kecil, khususnya untuk membantu 'first time parent' dalam memberi pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya," katanya.